

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	13 JULY 2017

Felo Perdana dedah generasi muda urusan tadbir kerajaan

BH - 13/7/2017 pg. 3

➔ Peserta terpilih diberi peluang turut serta gubal dasar, buat keputusan pentadbiran

Oleh Magendran Rajagopal
magendran@bh.com.my

Putrajaya

Program Felo Perdana menjadi saluran penting bagi mendedahkan bakat muda negara kepada susur galur pentadbir urus kerajaan, kerumitan menggubal dasar dan keputusan penting negara, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata, program itu terbukti sangat berguna dan mencerminkan komitmen kerajaan dalam menghargai peranan generasi milenium.

“Selain menghargai peranan generasi milenium, kita percaya

maju mundur sesebuah negara bergantung kepada asas bakat (tenaga kerja) muda yang kita ada.

“Kita mesti wujudkan pelbagai program laluan dan struktur supaya generasi milenium ini boleh kita dedahkan dan melakukan proses ‘mentoring’, sekali gus memberi mereka peluang mengasah bakat kepimpinan masing-masing.

Program penuhi kriteria

“Program ini sangat berguna kerana ia memenuhi semua kriteria itu, kita boleh lakukan program lain tetapi kelebihan program ini tiada pada program lain kerana Felo Perdana diletakkan di sisi mereka yang membuat keputusan dan dasar kerajaan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Penyerahan Felo Perdana 2017, di sini semalam. Pada majlis itu, 85 Felo Perdana 2017, iaitu pembantu eksekutif atau pelatih di kementerian diserahkan kepada menteri Kabinet bagi tempoh khidmat antara enam minggu hingga tiga bulan.

Yang hadir sama, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi; Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa serta menteri Kabinet.

Program Felo Perdana adalah inisiatif Kementerian Belia dan Sukan (KBS) untuk membolehkan peserta muda terpilih mengalami

sendiri bagaimana kerajaan menggubal dasar dan membuat keputusan pentadbiran yang memberi kesan kepada rakyat, sekali gus menjadi perantara untuk menjelaskan prosedur itu kepada umum, khususnya generasi muda.

“Pengalaman menjadi Felo Perdana kalau diletakkan dalam resume masing-masing, akan menjadi aset penting bila memohon kerja di mana-mana kelak.

“Saya difahamkan, pemohon Felo Perdana kali ini turut diwajibkan menulis karangan mengenai Transformasi Nasional 2050 (TN50) dan saya percaya ini dapat mencerminkan setakat mana dasar kerajaan ini diterima pada peringkat akar umbi,” katanya.